

**Muhyiddin Terima Kunjungan Hormat Setiausaha Parti Komunis China  
Bernama  
9 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menerima kunjungan hormat Setiausaha Parti Komunis China (CPC) Jawatankuasa Wilayah Shaanxi, Zhao Leji, di pejabatnya di bangunan Perdana Putra di sini.

Zhao, yang juga Pengarah Kongres Rakyat Wilayah Shaanxi dan anggota Jawatankuasa Pusat CPC ke-17, berada di Malaysia untuk lawatan lima hari bermula Selasa.

Beliau yang diiringi empat anggota delegasi yang mewakili Kongres Wilayah Shaanxi dan kerajaan Wilayah Shaanxi, tiba di pejabat Timbalan Perdana Menteri pada kira-kira pukul 12.30 tengah hari.

Lawatan beliau ke Malaysia bertujuan menggalakkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala, di samping memperkenalkan peluang perniagaan buat usahawan dari Malaysia dan Wilayah Shaanxi.

Lawatan itu juga akan mengeratkan lagi hubungan akrab antara pemimpin, kerajaan dan rakyat antara kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686845>